

SOALAN NO: 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 18 JUN 2014

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan dengan memperkenalkan kola (COLA) sebagai pendapatan tambahan terhadap seluruh pekerja swasta di negara ini.

PR-1322-L61517

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, cadangan pemberian elaun kos sara hidup (COLA) bagi pekerja sektor swasta adalah tertakluk kepada budi bicara majikan masing-masing. Kerajaan tidak mempunyai kuasa dari segi undang-undang untuk mewajibkan majikan membayar COLA atau elaun-elaun seumpamanya kepada pekerja mereka.

2. Walaubagaimanapun, Kementerian sentiasa menggalakkan perbincangan konstruktif antara pekerja dan majikan bagi mendapatkan terma-terma penggajian terbaik yang dipersetujui secara bersama oleh kedua-dua pihak melalui perundingan bersama (*collective bargaining*) antara kesatuan sekerja dan majikan sebagaimana yang diperuntukan dalam Seksyen 13, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177). Manakala bagi pekerja yang tidak diwakili oleh kesatuan sekerja, perkara ini boleh dibincangkan dalam Jawatankuasa Perundingan Bersama (*Joint Consultative Committee*) antara majikan dan pekerja.